

Pelajar Baru dari Trisakti

Pembukaan tahun 2008 telah mencatatkan satu lagi aktiviti menarik bagi UniMAP iaitu dengan kehadiran pelajar-pelajar baru dari luar negara. Lembaran program pertukaran bagi sesi 2008 telah bermula dengan menerima 4 orang pelajar baru dari Universiti Trisakti, Indonesia. Bram Barasetiadi, Alvin, Iriyanto Jien dan Ivan Joseph Nurdin selamat tiba di UniMAP pada 26 Januari 2008.

Segala proses bagi menerima kehadiran 4 orang pelajar ini telah diuruskan oleh Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, iaitu pusat pengajian di mana pelajar-pelajar ini ditempatkan. Mereka akan berada di UniMAP selama 2 bulan dan akan mengakhiri pengajian pada 6 Mac 2008. Mereka telah diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi semasa berada di UniMAP.

Ini adalah kali kedua pelajar-pelajar Trisakti dihantar ke UniMAP untuk menjalani kehidupan sebagai pelajar di sini.